

14 NOV 1997

#### GERAKAN KUTUK CAMPURTANGAN AMERIKA

AYER TAWAR, 14 Nov (Bernama) -- Parti Gerakan mengutuk keras tindakan beberapa anggota kongres Amerika Syarikat (AS) yang cuba mencampuri urusan dalam negara ini dengan mengemukakan draf usul meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf ataupun meletakkan jawatan.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik memberitahu pemberita selepas melawat Kampung Air Tawar di sini, semalam, tindakan anggota kongres AS itu bersikap perkauman.

Draf usul terhadap Dr Mahathir itu dikemukakan oleh Robert Wexler seorang anggota kongres kerana mendakwa Perdana Menteri telah mengeluarkan kata-kata yang dianggap anti-Amerika dan anti-Yahudi. Dr Mahathir telahpun menjelaskan kata-kata beliau itu tidak bermaksud demikian.

Draf usul itu telah ditandatangani oleh 27 anggota kongres termasuk Wexler.

Dengan mengumumkan sokongan penuh Gerakan kepada Perdana Menteri, Dr Lim berkata, AS tidak perlu memaksa Dr Mahathir yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat negara ini, katanya.

Beliau juga berkeyakinan kepimpinan Perdana Menteri tetap akan disokong penuh oleh semua anggota Parlimen termasuk dari parti pembangkang.

Mengenai siasatan yang akan dilakukan oleh Amerika terhadap Petronas berhubung pelaburannya di Iran, Dr Lim berkata, tiada undang-undang yang melarang sesebuah negara berdaulat menjalinkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan negara lain.

Kerajaan dan Petronas perlu menghalang siasatan Amerika itu dan tidak melayan kehadiran anggota penyiasat berkenaan, katanya. -- BERNAMA

RZS PR